



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD			
TARIKH	:	11/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	:	17
JABATAN	:	JPNP			



ANGGOTA PGA mengawasi anggota yang menjayakan Operasi Pamah.

Raub: Lebih 85 hektar daripada 101 hektar kebun durian Musang King yang ditanam secara haram dalam Hutan Simpan Batu Talam (HSBT) di sini, sudah ditebang dalam tempoh seminggu Operasi Pamah.

Ketua Penolong Pengarah (Penguat Kuasa), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) Nor Azirim Ahmad berkata, penebangan dapat disegerakan dengan kehadiran lebih ramai penebang dalam kalangan kakitangan JPNP.

Katanya, keseluruhannya hampir 100 kakitangan agensi itu yang terbabit dalam operasi itu.

85 hektar kebun durian dimusnah

Menurutnya, tindakan provokasi dan jambatan dirosakkan sebelum ini menyebabkan kerja penebangan yang tidak dapat dilaksanakan awal dan ia benar-benar bermula lima hari lalu.

"Aktiviti menebang mula berjalan lancar pada Selasa lalu terutama selepas kehadiran anggota Pasukan Gerakan Am (PGA) yang bertanggungjawab mengawal dalam kawasan HSBT termasuk mengadakan dua sekatan jalan raya (SJR) di

lalu masuk ke hutan.

"Faktor hujan pada sebelah petang selain angin kencang turut menjejaskan kelancaran aktiviti penebangan," katanya, semalam.

Nor Azirim berkata, penebangan pokok dijangka siap sepenuhnya minggu depan sebelum tapak ditanam dengan pokok hutan antaranya, meranti temak nipis yang dibekalkan Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggal.